



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

“SAYANGI MATAMU, SETIAP CERITA ADA NILAINYA” SERUAN JKN PERAK BAGI MEMPERKASA KESIHATAN BERKAIT PENGLIHATAN

Ipoh, 9 Oktober 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegaskan komitmen berterusan Kerajaan dalam meningkatkan kesihatan mata rakyat melalui penganjuran Sambutan Hari Penglihatan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2025 dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perak (JKNP) bertempat di Hotel WEIL, Ipoh.

KKM menyeru semua pihak untuk **sentiasa menghargai deria penglihatan** sebagai **anugerah** bagi **merakamkan kenangan berharga dalam kehidupan seharian**. **Hari Penglihatan Sedunia** disambut secara global pada **setiap hari Khamis minggu kedua bulan Oktober** bagi mengingatkan pentingnya nilai penglihatan dan kepentingan pencegahan kecacatan penglihatan. Sambutan ini adalah mendukung aspirasi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam memperkukuh kesihatan mata sejagat.

Fokus Inklusif: Saringan Mata Percuma untuk Golongan Berisiko

KKM juga menekankan bahawa **pengesanan dan rawatan awal adalah kritikal** bagi **mencegah komplikasi** yang boleh menyebabkan **kebutaan kekal**.

Komuniti kesihatan dan pakar mata Negeri Perak mengambil peranan utama dalam sambutan tahun ini, dan diterajui **Jabatan Oftalmologi Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB)**. Lebih **120 petugas kesihatan terlibat** dalam program **saringan mata percuma** kepada masyarakat pada hari ini. Tumpuan saringan adalah kepada:

- **Golongan berisiko tinggi** seperti pesakit katarak, penghidap diabetes dan individu dengan sejarah keluarga penyakit glaukoma.
- **Kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas**, memastikan akses kesihatan mata yang **inklusif dan berkualiti**.

Penglibatan Komuniti dalam Kempen Kesedaran

Bersempena sambutan ini, pelbagai aktiviti kesedaran dianjurkan di seluruh negara sepanjang tempoh dua (2) bulan bagi memastikan pendedahan komprehensif mengenai penjagaan mata. Ini termasuk:

- **Program Pemeriksaan Mata dan Kesihatan Percuma** kerjasama HRPB, Persatuan Oftalmologi Malaysia, Hospital Tapah, dan Jabatan Kemajuan Orang Asli;
- **“Walk Against Blindness 2025”** yang diadakan bersama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) Cawangan Perak dan HRPB; dan
- **Pertandingan “Every Story Counts”** bagi memberi ruang kepada pesakit dan masyarakat untuk berkongsi kisah perjalanan mereka dalam menjaga kesihatan mata dan bertujuan memberi inspirasi kepada orang lain.

Mata Sihat, Masa Depan Cerah

KKM menyeru setiap individu untuk menyayangi dan memelihara penglihatan masing-masing demi masa depan yang lebih cerah dan sejahtera. KKM juga akan terus memperkukuh usaha bersama institusi kesihatan dan pendidikan bagi memastikan rakyat Malaysia menerima akses kepada rawatan dan penjagaan mata yang berkualiti. Ini selaras dengan aspirasi negara untuk melahirkan masyarakat dengan kualiti penglihatan yang baik demi kesejahteraan hidup yang berpanjangan. Inisiatif ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan dan Ihsan*.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

